

21/12/2000

Majlis Peguam sambut baik pelantikan Ketua Hakim

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Peguam Malaysia (Majlis Peguam) menyambut baik pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah sebagai Ketua Hakim Negara yang baru.

Presidennya, Sulaiman Abdullah berkata, Mohamed Dzaidin yang mempunyai pengalaman luas sebagai peguam dan hakim layak memegang jawatan tertinggi badan kehakiman di negara ini.

"Kami mengalu-alukan pelantikan Mohamed Dzaidin, beliau layak menjalankan tugas itu. Kami dalam majlis ini mengenali beliau seorang peguam yang berwibawa sehingga boleh dilantik menjadi hakim.

"Beliau seorang berani, adil dan kualiti yang padanya menyebabkan beliau ketika itu Naib Presiden Badan Peguam Malaysia dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi pada 1982," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sulaiman yang juga Presiden Badan Peguam berkata, Mohamed Dzaidin hakim Mahkamah Persekutuan yang paling berkhidmat mempunyai kemampuan menjalankan tugasnya dengan baik.

Katanya, Mohamed Dzaidin mempunyai hubungan baik dengan hakim, peguam dan perkhidmatan perundangan serta penghakimannya mendapat penghormatan.

Sehubungan itu, katanya, Majlis Peguam berharap di bawah Mohamed Dzaidin keadilan undang-undang dan keadilan dapat diteguhkan lagi.

Katanya, Majlis Peguam mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan Majlis Raja-Raja kerana melantik Mohamed Dzaidin ke jawatan berkenaan.

(END)